

# Nik Salida utama adab jadi penceramah

## Suami, keluarga pendorong kepada pensyarah USIM tingkat mutu syarahan



Personaliti

Oleh Hasliza Hassan

**P**ENAMPILAN sederhana dengan raut wajah yang lembut memungkinkannya kehadiran dalam program berunsur keagamaan disiarkan di televisyen cepat disedari terutama oleh khalayak yang dahagakan santapan rohani.

Berbekalkan ilmu dalam pengajian Islam dan undang-undang, Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nik Salida Suhaila Nik Salleh menggunakan kelebihan pengetahuan untuk menyampaikan ilmu kepada penonton.

Justeru, katanya, jika tajuk perbincangan itu sesuai dengan kemampuan dan boleh dikembangkan melalui kajian, beliau akan memberi persetujuan untuk menjadi ahli panel tetapi jika sebaliknya, beliau mencadangkan supaya dirujuk kepada pihak yang lebih pakar.

"Jika disuruh bercakap mengenai pengajian Islam dan undang-undang, tiada masalah kerana itu bidang saya dan memang saya minat. Jika saya rasa tajuk yang diberi berat sangat, saya menolak dengan baik kerana saya sedar kemampuan saya.

"Oleh itu, setiap kali ada pihak yang menjemput untuk menjadi ahli panel atau memberi ceramah, saya beritahu awal-awal latar belakang saya," kata graduan undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu.

Anak kelahiran negeri Cik Siti Wan Kembang itu berkata, walaupun memiliki ijazah dan sarjana dalam jurusan undang-undang, kecintaan terhadap bidang pengajian Islam sudah tersemat sejak di sekolah menengah lagi.

Malah, ketika memohon untuk melanjutkan pengajian ke Pusat Matrikulasi UIAM, beliau memilih jurusan Ilmu Wahyu dan Warisan Islam tetapi pada hari temu duga, dekan memberitahu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia melayakkan beliau mengambil jurusan undang-undang lalu menukarkan beliau menjadi pelajar fakulti undang-undang.

Untungnya kata bekas pelajar Maahad Muhammadi Perempuan Kota Bharu itu, pelajar jurusan undang-undang UIAM turut diwajibkan mengambil perundangan syariah sebagai mata pelajaran elektif yang membolehkan beliau menimba pengetahuan dalam disiplin yang lain.

Lagipun, katanya, ramai penceramah agama sekarang bukan daripada pengajian Islam, sebaliknya memiliki kepakaran dalam bidang lain seperti bahasa, ekonomi serta perubatan. Penguasaan dalam ilmu agama membolehkan mereka bercakap dan menyampaikannya kepada orang lain.

### PROFIL

**Nik Salida Suhaila Nik Salleh**

**TARIKH LAHIR:** 26 Februari 1975

**TEMPAT LAHIR:** Pasir Putih, Kelantan

**PENDIDIKAN:** Ijazah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Sarjana Undang-undang Perbandingan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

**SUAMI:** Mohd Najib Abas

**ANAK:** Muhammad Naquib Izzul Wafiq, 7, Najeeha Izzatul Hana, 3

"Kebetulan misi dan visi USIM ialah melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pelbagai disiplin, oleh itu sewajarnya pensyarah universiti itu juga mesti berkemampuan menguasai pelbagai bidang dan sebagai orang Islam, ilmu Islam wajib dipelajari," katanya.

Nik Salida berkata, pada mulanya beliau tidak terfikir akan membina kerjaya sebagai pensyarah kerana sebaik tamat pengajian, beliau menjalani latihan dalam kamar (*chambering*) bagi meneruskan perjalanan untuk bergelar peguam.

Bagaimanapun, disebabkan waktu kerja yang tidak menentu, beliau yang ketika itu sudah memiliki cahaya mata mengambil keputusan melupakan cita-cita menjadi peguam dan melanjutkan pengajian pada peringkat sarjana dalam bidang perbandingan syariah dan sivil.

Pada masa sama, beliau menerima lamaran UIAM untuk menjadi pensyarah undang-undang dan bertugas di sana selama satu setengah tahun sebelum menyambung perkhidmatan di USIM pada 2003 hingga hari ini.

Bercerita mengenai kerjaya sebagai penceramah, anak kepada pasangan guru agama itu berkata, ia bermula dengan panggilan telefon diterima daripada Ketua Penerbitan Pengisian Islam, Jabatan Majalah, Dokumentasi dan Keluarga TV3, Ruzmi Kamaruddin yang menjemput beliau menjadi ahli panel *al-Kuliyah*.

Menurut Ruzmi, mereka membaca hasil penulisan beliau di akhbar dan berpendapat beliau mempunyai fikrah tersendiri kerana tajuk yang dikupas turut disertakan cadangan yang sesuai dengan konsep perbincangan dalam *al-Kuliyah*.

Nik Salida berkata, mulanya beliau menolak jemputan itu dengan alasan belum bersedia tetapi sikap penerbit program berkenaan yang tidak kenal putus asa akhirnya membuka hati beliau memenuhi jemputan mereka.

**“Jika disuruh bercakap mengenai pengajian Islam dan undang-undang, tiada masalah. Jika saya rasa tajuk yang diberi berat, saya menolak dengan baik kerana sedar kemampuan saya”**

**Nik Salida Suhaila Nik Salleh**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, USIM



Nik Salida Suhaila

"Itulah kali pertama saya muncul di televisyen membincangkan tajuk 'Guru Pertama'. Saya fikir selepas memenuhi hasrat penerbit, itulah penampilan pertama dan terakhir saya. Tetapi tanggapan saya meleset kerana selepas itu lebih banyak jemputan diterima.

"Rupanya, itulah titik permulaan kerana TV9 pun banyak menerbitkan program agama seperti *Halaqah* dan *Cari Menantu*. Jadi dipelawa untuk menyertai program mereka. Saya terima kerana pembabitan saya mendapat keizinan suami," katanya.

Beliau berkata, tugas pensyarah ialah mendidik pelajar dan sebagai penceramah, beliau mendidik serta menyumbang kepada masyarakat. Justeru, beliau berkata kepada dirinya sendiri, jika betul niatnya untuk menyumbang, inilah antara jalan yang terbuka.

Bagaimanapun, katanya, tugas hakiki sebagai pensyarah tetap menjadi keutamaan dan beliau akan memastikan jemputan tidak bertembung dengan waktu beliau perlu ada di pejabat atau terbabit dengan aktiviti di universiti.

Katanya, prinsip beliau adalah jelas, walaupun berniat untuk berbakti kepada masyarakat, sebagai pensyarah beliau perlu berbakti kepada pelajarannya terlebih dulu dan setakat ini bersyukur kerana mampu menangani dua tugas itu sebaiknya.

Ditanya perlukah wanita menjadi penceramah, Nik Salida berkata, memang masyarakat memerlukan penceramah wanita terutama bagi menyampaikan ilmu serta maklumat berkaitan wanita kepada pendengar atau penonton wanita.

Baginya, beliau akan berasa bersalah jika tidak memenuhi undangan menyampaikan ceramah jika tajuk itu menyentuh mengenai wanita kerana pastinya kumpulan yang menjemput amat memerlukan jawapan kepada persoalan yang ingin mereka ajukan.

"Mereka semua tidak tahu dan jika saya tidak datang untuk beritahu, terasa jahatnya saya. Pasti mereka tidak akan bertanya kepada penceramah lelaki dan segan jika lelaki yang menyampaikan perkara itu kerana ia sangat berkaitan dengan wanita.

"Sebab kadang-kadang apabila mereka bertanya soalan, saya pun tergamam dan terkejut. Maknanya, mereka memang benar-benar tidak tahu dan wajib bagi saya menyampaikan kepada mereka. Sebab itu kita perlu penceramah wanita," katanya.

Menjawab persoalan masalah wanita menjadi penceramah, jawab ibu kepada dua cahaya mata itu, memang susah kerana

penceramah wanita perlu mengetahui serta menjaga batasan sosial.

Beliau berkata, penceramah wanita tidak boleh menyamakan diri mereka dengan penceramah lelaki walaupun bekerja dalam bidang yang sama kerana cabaran penceramah wanita tidak sama dengan penceramah lelaki.

Katanya, bagi mereka yang berhasrat menjadi penceramah, perlu mendapat sokongan kuat suami dan bersedia berhadapan dengan pelbagai dugaan kerana wanita tetap berhadapan cabaran apabila keluar rumah untuk melakukan tugas mereka.

Berikutan itu, Nik Salida berkata, beliau tidak kisah jika ada pihak menganggap dirinya cerewet atau merungut di belakang kerana ketegasan beliau untuk membawa suami terutama apabila memenuhi jemputan yang jauh.

Beliau berpendapat, setiap kali memenuhi jemputan untuk menjadi ahli panel atau memberi ceramah, suaminya Mohd Najib Abas perlu ada sebagai peneman dan untuk menegur jika beliau ada melakukan kesilapan.

"Orang yang ikhlas beri komen kepada kita ialah suami. Kadang-kadang saya tidak perasan apa yang saya buat boleh beri kesan terhadap diri dan apabila adanya suami, dia boleh tegur. Berdasarkan pengalaman, saya selesa jika suami turut ada.

"Malangnya, ada pihak tidak bersetuju dengan pandangan saya. Tetapi saya fikir kita perlu buat masyarakat faham batasan wanita Islam bukan atas nama penceramah. Takkan saya hendak naik satu kereta, empat lelaki dan saya seorang saja wanita.

"Pada saya, biar orang kata cerewet tetapi kita wajib jaga batasan itu. Ceramah sunat, takut nanti nak jaga yang sunat, wajib tidak terpelihara. Saya tidak mahu sikap tidak apa akan menjadi budaya hingga orang menunjuk, penceramah pun naik kereta bercampur lelaki dengan wanita.

"Disebabkan faktor itu ada kalanya saya tidak boleh pergi memenuhi jemputan kerana masyarakat belum bersedia untuk membuat penceramah wanita berasa selesa dalam tugas mereka menyampaikan ilmu dalam majlis tertentu," katanya.

Sedangkan, katanya, saingan antara penceramah wanita di negara ini tidak ada kerana banyak kekosongan dan masyarakat pula memerlukan wanita untuk mendekati serta mendidik wanita dengan ilmu agama.

